

Ganti Datuk Hussein

Mahathir disokong sebulat suara...

KUALA LUMPUR, Rabu.— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini diberi sokongan sebulat suara oleh pucuk pimpinan 11 parti komponen Barisan Nasional untuk memimpin parti itu menggantikan Datuk Hussein Onn.

Datuk Hussein secara rasminya meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Barisan Nasional Pusat mula hari ini dan diambillah oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Upacara perletakan jawatan itu berlangsung dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN, yang dipengerusikan oleh Datuk Hussein bagi kali terakhirnya, di Seri Taman petang ini.

Mesyuarat yang dihadiri oleh kesemua para pemimpin 11 buah parti komponen BN terdiri dari UMNO, MCA, MIC, Gerakan, PBB (Sarawak), SUPP, PPP, USNO, Berjaya, SNAP dan BERJASA berlangsung selama kira-kira 30 minit — paling singkat dalam sejarah persidangan dewan tersebut.

Betapausaha Agung BN, Enoch Ghafar Babe, Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah dan Menteri Pelajaran, Datuk Musa Hitam hadir sama.

Datuk Hussein memberitahu para wartawan kemudalannya, Datuk Seri Dr. Mahathir telah diterima sebulat suara sebagai pemimpin baru BN menggantikan beliau.

Beliau mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Dr. Mahathir.

Beliau penuh yakin, dengan kerjasama ketua-ketua parti komponen, BN di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir akan terus kukuh, kuat dan stabil.

Datuk Hussein juga yakin, BN akan terus mendapat kepercayaan rakyat bagi terus memerintah negara ini.

Katanya, BN akan terus kuat, stabil dan utuh walaupun timbul masalah-masalah dalam keluarga.

Beliau mensifatkan masalah-masalah itu sebagai satu perkara biasa dalam sesebuah pertubuhan slash.

"Saya penuh yakin, ini tidak akan menjejaskan perpaduan dan kekuatan BN, terutama dalam menghadapi pilihanraya akan datang," ujarnya.

Datuk Hussein mengucapkan terima kasih kepada anggota-anggota Dewan Tertinggi BN dan parti-parti komponen yang selama ini telah memberikan sokongan dan kepercayaan kepadanya memimpin parti tersebut.

Sebelum itu, mesyuarat tersebut telah meluluskan sebulat suara usul mengucapkan terima kasih kepada Datuk Hussein di atas pimpinannya yang dibentangkan oleh Presiden MCA, Datuk Lee San Choon dan di sokong oleh Presiden MIC, Datuk Samy Vellu.

Jujur

Usul tersebut merakamkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejujuran Datuk Hussein meletakkan jawatan sebagai Pengerusi BN dan Perdana Menteri dengan tujuan ikhlas supaya tanggungjawab yang berat terhadap kepentingan parti dan negara tidak terjejas.

Usul itu mensifatkan sikap Datuk Hussein sebagai seorang pemimpin berhemah tinggi, jujur dan ikhlas.

Datuk Hussein Onn banyak berkorban dalam perjuangan politik dan juga dalam usaha pembangunan negara.

Sifat-sifatnya yang ikhlas, tegas, jujur mengendalikan negara dengan bersih adalah menjadi contoh tauladan yang seharusnya diikuti oleh orang lain.

Usul itu menyebut, semasa Datuk Hussein memimpin BN, parti itu telah berjalan dengan sempurna dan bertambah kekuatannya dan ini terbukti dengan kemenangan cemerlang dalam pilihanraya umum tahun 1978 dan juga beberapa pilihanraya kecil.

Dengan adanya sikap toleransi, keabaran dan keadherannya di dalam bidang politik, ekonomi dan sosial, Datuk Hussein telah memimpin rakyat ke arah kestabilan dan mengukuhkan perpaduan rakyat.

Usul itu berkata, segala jasa Datuk Hussein menjadi kenang-kenangan kepada seluruh rakyat, terutama kepada BN untuk selama-lamanya.